



## BAI'AH – UNTUK SIAPA?

Isu 'bai'ah talak tiga' yang dicetuskan oleh Ahli Parlimen PAS Shah Alam, Khalid Samad telah dijadikan modal oleh UMNO yang tidak pernah leka mengintai peluang untuk memburukkan parti lawannya itu dengan mengetengahkan isu ini habis-habisan melalui media pengampunya. Khalid mengesahkan wujudnya amalan bai'ah di kalangan calon wakil rakyat parti itu bahawa akan jatuh talak tiga kepada isteri masing-masing jika mereka keluar parti bahkan beliau sendiri mengamalkannya. Bagaimanapun, Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali tampil menjelaskan bahawa bai'ah talak tiga tersebut bukanlah dasar atau amalan rasmi parti. Mustafa mengakui bahawa sememangnya wujud bai'ah sumpah setia laknat jika calon pilihanraya yang mewakili parti itu melakukan pengkhianatan kepada perjuangan parti, namun bai'ah talak hanyalah dibuat oleh calon itu sendiri tanpa adanya arahan dari parti [harakahdaily.net 13 Nov 2009]. Sejak isu ini muncul, beberapa pihak lain turut menyemarakkan lagi suasana dengan pelbagai reaksi. Ketua Dewan Muslimat PAS, Ustazah Nuridah Salleh dilapor menganggap bai'ah talak tiga atau sumpah taat setia pemimpin parti itu sebagai mengangkat martabat wanita serta mengukuhkan lagi parti berkenaan. Manakala Naib Presiden Hal Ehwal Wanita, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Fadhlina Siddiq, berkata bai'ah sedemikian memperjudikan nasib wanita yang tidak terbabit dalam politik. Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia, Datuk Sheikh Abdul Halim Abdul Kadir, berkata amalan itu tidak perlu kerana tidak mendatangkan manfaat atau meningkatkan martabat wanita [BH 15/11/09]. Sautun Nahdhah kali ini tidak berniat untuk terlibat dengan perselisihan mahupun perbincangan *fiqh* berhubung cerai *ta'liq* melalui bai'ah ini, namun kami merasa terpanggil menjernihkan pemikiran pihak-pihak yang bertelagah serta para pembaca sekalian dengan pengertian dan amalan sebenar bai'ah di dalam Islam.

### Pengertian dan Hakikat Bai'ah

Kata *bai'ah* merupakan *isim musytarak* (kata yang memiliki banyak erti). Dari segi *lughah* (bahasa) Arab, bai'ah di antaranya digunakan dengan erti *as-sofqatu 'ala ijabi al-bai'* (uluran tangan sebagai tanda persetujuan jual-beli), *al-mubaya'ah wa at-ta'ah* (pemberian kekuasaan dan ketaatan) seperti ungkapan *wa qad tabaya'u ala al-amri* (sungguh mereka telah sepakat memberikan kekuasaan atas perkara itu), *'ahada* (membuat perjanjian) seperti ungkapan *asfaqu alaihi, wa baya'ahu alaihi mubaya'atan yakni 'ahadahu* (membuat perjanjian dengannya) [Lisanul Arab, Ibnu Manzur]. Inilah makna bai'ah dari sudut *lughah*. Namun, as-Sunnah datang dengan memperjelas dan merincikan lagi makna dan hakikat bai'ah ini. *Af'al* (perbuatan) Rasulullah dan para sahabat menunjukkan bahawa bai'ah adalah suatu bentuk perjanjian atau ketaatan yang diberikan oleh umat kepada penguasa dalam mematuhi perintah dan larangan penguasa selama mana penguasa memerintah berdasarkan ketentuan wahyu. Sejarah Islam telah mencatat tiga peristiwa bai'ah yang besar yang terjadi pada zaman Rasulullah SAW yakni Bai'ah Aqabah I, Bai'ah Aqabah II dan Bai'ah ar-Ridhwan.

Dengan mengamati secara jernih nas-nas syarak dari situasi dan kejadian yang berlaku, tampak jelas sekali bahawa bai'ah adalah suatu bentuk perjanjian atau ketaatan yang diberikan oleh umat Islam kepada seorang Ketua Negara. Generasi pertama Islam telah menunjukkan hal ini di mana mereka telah membai'ah Rasulullah SAW sebagai Ketua Negara. Hal ini dirakamkan oleh Allah di dalam Al-Qur'anul Karim, "*Wahai Nabi! Jika datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk membai'ah (mengadakan janji setia) bahawa mereka tidak akan mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan menderhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah bai'ah mereka*" [TMQ al-Mumtahanah (60):12]. Di dalam ayat lain Allah SWT berfirman, "*Sesungguhnya orang-orang yang berbaiat (memberi pengakuan taat setia) kepadamu, sesungguhnya mereka berbaiat kepada Allah; Tangan Allah di atas tangan mereka*" [TMQ al-Fath (48):10].

Bai'ah hendaklah dibezakan dengan *al-yamin/qasam* (sumpah) kerana keduanya tidak sama dan mempunyai hukumnya tersendiri di dalam Islam. Ada beberapa kekeliruan dari kalangan umat Islam dan gerakan Islam dengan penggunaan lafaz bai'ah ini di mana mereka dengan begitu mudah menamakan semua jenis *qasam* atau perjanjian atau pelantikan (*taqlid*) dengan istilah bai'ah, walhal bai'ah merupakan satu istilah yang khusus yang membawa pengertian dan kesan yang tersendiri dari aspek hukum syarak. Sekiranya rujukan dibuat kepada kitab-kitab *fiqh* sekalipun dalam hal ini, maka yang akan kita temukan adalah perbincangan bai'ah selepas dari zaman kenabian adalah khusus untuk isu pelantikan Khalifah atau Imamah.

### Bai'ah Adalah Metode Syarie Pengangkatan Khalifah

Ketika syarak mewajibkan umat Islam untuk mengangkat seorang Ketua Negara (Khalifah), syarak pun ternyata telah menggariskan *thariqah* (metode) yang wajib ditempuh untuk mewujudkannya. Metode ini ditegaskan oleh Al-Quran, As-Sunnah dan Ijmak Sahabat. Metode tersebut adalah bai'ah. Oleh itu, pengangkatan

Khalifah hanya dapat/sah diwujudkan dengan bai'ah dari kaum Muslimin kepada seseorang (untuk memerintah) atas dasar Kitabullah dan Sunnah RasulNya. Kedudukan bai'ah sebagai metode pengangkatan Khalifah telah ditunjukkan oleh bai'ah kaum Muslimin generasi pertama kepada Nabi SAW. Disamping itu, ia ditegaskan lagi oleh perintah baginda sendiri kepada kita untuk membai'ah seorang Imam/Khalifah. Bai'ah kaum Muslimin kepada Rasulullah SAW bukanlah bai'ah atas kenabian, tetapi merupakan bai'ah atas kepimpinan baginda di bidang pemerintahan. Ini adalah kerana bai'ah yang mereka lakukan adalah bai'ah untuk melaksanakan (perintah) bukan untuk mempercayai kenabian. Dalam hal ini baginda di bai'ah dalam kapasiti baginda sebagai seorang Ketua Negara bukannya sebagai Nabi dan Rasul kerana pengakuan terhadap kenabian dan kerasulan itu adalah persoalan keimanan, bukan persoalan bai'ah. Oleh itu bai'ah yang diberikan kaum Muslimin kepada Rasulullah SAW, tidak lain adalah bai'ah dalam kapasiti baginda sebagai Ketua Negara.

Selain kedudukan bai'ah yang telah tercantum di dalam ayat Al-Quran yang disebutkan di atas, terdapat banyak sekali hadis yang merincikan persoalan bai'ah ini. Antaranya, Imam Bukhari meriwayatkan dari Ubadah bin Samit, ia berkata: "*Kami telah membai'ah kepada Nabi SAW untuk senantiasa mendengar dan mentaati perintahnya, baik dalam keadaan yang kami senangi mahupun yang tidak kami senangi dan kami tidak akan merebut kekuasaan dari yang berhak dan agar kami senantiasa mengerjakan atau mengatakan yang haq di mana pun kami berada, tidak takut -kerana Allah- akan celaan dari orang-orang yang mencela.*" Imam Bukhari juga meriwayatkan bahawa Zainab binti Humaid datang menghadap Rasulullah SAW bersama anaknya, dia berkata, "*Wahai Rasulullah terimalah bai'ahnya.*" Baginda menjawab, "*dia masih kecil, kemudian Rasulullah mengusap-usap kepala anak kecil tersebut dan mendoakannya*". Imam Bukhari juga meriwayatkan dari Abu Hurairah yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Ada tiga golongan manusia di hari kiamat kelak yang tidak akan diajak berbicara oleh Allah, dan tidak akan disucikan olehNya, dan mereka akan disiksa dengan seksaan yang pedih, iaitu...orang yang membai'ah seorang Imam, tetapi hanya kerana mencari keuntungan duniawi,*

*jika diberi ia akan menepati bai'ahnya dan jika tidak, ia tidak akan menepatinya..."*

Ketiga hadis di atas secara jelas menegaskan bahawa bai'ah adalah satu-satunya metode untuk mengangkat Khalifah. Selain itu, terdapat hadis-hadis lain yang menyebutkan tentang bai'ah kepada Imam (Khalifah). Di dalam Sahih Muslim, dari Abdullah bin Amru bin Al-As, dinyatakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Siapa sahaja yang telah membait seorang Imam lalu memberikan uluran tangannya dan buah hatinya, maka hendaknya ia mentaatinya semampunya, dan jika datang orang lain yang hendak mengambil alih kekuasaannya, maka penggallah leher orang itu". Di dalam Sahih Muslim juga ditemukan hadis yang diriwayatkan dari Abu Said Al Khudri yang berkata, Rasullullah SAW bersabda, "Jika dibai'ah dua orang Khalifah, maka bunuhlah yang terakhir dari keduanya." Imam Muslim juga meriwayatkan hadis dari Abu Hazim yang berkata, "Aku telah mengikuti majlis Abu Hurairah selama lima tahun dan aku pernah mendengarnya menyampaikan hadis dari Nabi SAW yang bersabda, 'Dahulu Bani Israel selalu dipimpin oleh para Nabi, setiap kali seorang Nabi meninggal, maka diganti oleh Nabi yang lain, dan sesungguhnya tidak akan ada Nabi sesudahku, (tetapi) nanti akan ada banyak Khalifah.' Para sahabat bertanya, 'Apa yang engkau perintahkan kepada kami? Baginda menjawab 'Penuhilah bai'ah yang pertama dan yang pertama itu sahaja. Dan berikanlah hak mereka kepadanya, sebab Allah akan meminta pertanggungjawaban mereka atas apa yang mereka pimpin'".

Nas-nas Al-Quran dan As-Sunnah di atas secara jelas menunjukkan bahawa bai'ah adalah satu-satunya *thariqah* untuk pengangkatan Khalifah. Adapun realisasi bai'ah tersebut secara praktik dapat diketahui dengan jelas pada saat pengangkatan empat Khalifah sepeninggalan Rasullullah SAW iaitu Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali. Seluruh sahabat pada waktu itu diam dan mengakui metode yang digunakan. Padahal metode pengangkatan tersebut termasuk perkara yang harus diingkari seandainya melanggar syarak, kerana ia berkaitan dengan sesuatu yang paling penting, dan menjadi sandaran keutuhan wadah kaum Muslimin serta kelestarian pemerintahan yang melaksanakan hukum Islam tersebut. Siapa sahaja yang meneliti peristiwa yang terjadi dalam pengangkatan keempat Khalifah itu akan mendapati bahawa sebahagian kaum Muslimin telah bermesyuarat di Saqifah Bani Sa'idah. Tokoh-tokoh yang dicalonkan sebagai Khalifah tidak lebih dari empat orang, mereka adalah Saad bin Ubadah, Abu Ubaidah, Umar bin Khatib dan Abu Bakar. Sebagai hasil mesyuarat adalah bai'ahnya Abu Bakar oleh mereka yang hadir. Pada hari kedua, kaum Muslimin telah diundang ke masjid Nabawi lalu mereka membai'ah Abu Bakar. Bai'ah yang berlangsung di Saqifah adalah *bai'ah in'iqad* (bai'ah pelantikan) yang menjadikan Abu Bakar sah sebagai Khalifah. Sedangkan bai'ah di masjid pada hari kedua merupakan *bai'ah at-ta'at*.

Ketika Abu Bakar merasa bahawa sakitnya akan membawa ajal, beliau memanggil kaum Muslimin seraya meminta pertimbangan mereka tentang siapakah yang tepat untuk menjadi Khalifah. Pendapat yang muncul pada mesyuarat tersebut berkisar antara Ali dan Umar, dan tidak ada calon yang lain lagi. Kesempatan untuk meminta pertimbangan tersebut berlangsung hingga tiga bulan. Setelah tiga bulan berlalu, beliau dapat mengetahui pendapat majoriti kaum Muslimin, kemudian beliau segera mengumumkan bahawa Umarlah yang menjadi Khalifah sesudah beliau. Setelah Abu Bakar meninggal kaum Muslimin berdatangan ke masjid Nabawi dan membai'ah Umar untuk memegang tampuk pemerintahan Khilafah. Dengan bai'ah inilah Umar menjadi Khalifah, bukannya kerana permintaan pendapat mahupun penunjukan (pencalonan) dari Abu Bakar.

Begitu pula ketika Umar terluka parah akibat tikaman, kaum Muslimin segera meminta beliau agar menunjukkan (mencalonkan) penggantinya, tetapi beliau menolak. Setelah mereka terus memaksa, barulah beliau menunjukkan enam orang sahabat sebagai calon pengganti. Setelah beliau meninggal,

proses pelantikan diamanahkan kepada salah seorang dari mereka iaitu Abdurrahman bin Auf, untuk mengumpulkan pendapat kaum Muslimin dan meminta pertimbangan mereka. Kemudian Abdurrahman mengumumkan pembai'atan kepada Usman. Kaum Muslimin pun segera melaksanakan bai'ah kepada Usman. Dengan akad bai'ah inilah Usman sah menjadi Khalifah bagi kaum Muslimin, bukan kerana penunjukan Umar, juga bukan kerana pengumuman Abdurrahman bin Auf. Kemudian ketika Usman terbunuh, serta merta kaum Muslimin Madinah dan Kufah membai'ah Ali. Sekali lagi, dengan bai'ah kaum Musliminlah yang menjadikan Ali sebagai Khalifah [**Nidzamu Hukmi Fil Islam, Taqiyuddin an-Nabhani**].

Selain dalil di atas, terdapat hadis lain yang begitu tegas menyatakan bahawasanya bai'ah itu adalah suatu kewajiban ke atas kaum Muslimin dalam mengangkat Khalifah. Nabi SAW juga dengan tegas bersabda, "Barangsiapa yang mati sedangkan di pundaknya tidak ada bai'ah (kepada Khalifah), maka matinya seperti mati Jahiliyyah" [**HR Muslim**]. Hadis ini menunjukkan bahawa bai'ah adalah kewajiban atas setiap Muslim dan hukum mengangkat Khalifah adalah wajib dan siapa sahaja yang mati dalam keadaan meninggalkan kewajiban ini, maka matinya adalah mati Jahiliyyah yakni mati seakan-akan kafir (dosa besar). Imam Nawawi berkata, "yakni dia mati seperti keadaan matinya orang-orang Jahiliyyah, di mana hidup mereka rosak dan tidak memiliki seorang pemimpin" [**Sahih Muslim Bi Syarhi an-Nawawi XII/237**]. Ibnu Hajar pula berkomentar, "mereka hidup dalam kesesatan dan mereka mati dalam kesesatan. Namun tidak dimaksudkan bahawa dia itu mati dalam kekafiran, tetapi dia mati dalam kemaksiatan" [**Fathul Bari Bi Syarhi al-Bukhari**].

Bagi orang kafir yang mati, semua amalannya gugur dan tidak bermanfaat baginya pada hari kiamat. Begitu pulalah dengan orang Islam yang tidak melakukan atau mengabaikan aktiviti untuk mewujudkan Khilafah (agar terwujud bai'ah di lehernya kepada Khalifah), maka sesungguhnya dia mati sebagaimana matinya orang kafir, walaupun pada hakikatnya ia bukanlah orang kafir, tetapi ini adalah kerana besarnya dosa yang dipikul akibat meninggalkan kewajiban tersebut. Kewajiban ini adalah di antara kewajiban utama dan paling agung, sebab dengan terwujudnya Khilafah, maka penerapan hukum-hukum Islam yang lain dapat dilaksanakan sepenuhnya. Tambahan pula, Khilafahlah yang akan mengurus pelbagai urusan umat, menyelamatkan umat Islam dari pelbagai penderitaan dan cengkaman musuh, menjaga darah dan nyawa kaum Muslimin, melaksanakan semua jenis hudud, berjihad dan mengembang risalah Islam serta menebarkan rahmat ke seluruh penjuru alam.

### Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Nas-nas dari Al-Quran dan hadis dengan teramat jelas menunjukkan bahawa bai'ah yang wajib hanyalah kepada Khalifah, kerana bai'ah ini merupakan satu-satunya *thariqah* yang syar'i yang telah ditentukan oleh Allah dan Rasul untuk mengangkat Khalifah. Bagi pelantikan selain Khalifah, seperti amir (pemimpin) parti atau gerakan atau jamaah atau amir perjalanan dan sebagainya, maka semua ini, secara syar'i, tidak dilakukan dengan bai'ah. Apatah lagi di dalam hal untuk menjadi calon, kekhuatiran kalah atau menang dalam pilihan raya atau kebimbangan berlakunya lompat parti dan seumpamanya, hal ini sama sekali tidak memerlukan bai'ah, malah menyalahi pengertian dan hakikat bai'ah yang digariskan oleh nas yang *qath'ie*. Saudaraku! Marilah kita kembali kepada pengertian dan amalan sebenar bai'ah yang telah ditunjukkan oleh para sahabat yang mulia. Marilah kita melaksanakan hakikat bai'ah yang sebenar ini, yang tidak sedikit pun diperselisihkan oleh generasi pertama Islam. Marilah kita berusaha untuk menegakkan semula Khilafah yang apabila berjaya kelak, akan membolehkan kita berbai'ah kepada orang yang sepatutnya dibai'ah (yakni) Khalifah. Dialah satu-satunya insan yang berhak kita bai'ah dengan mencurahkan segala taat setia kita kepadanya. Dan dia akan muncul dalam masa terdekat dengan izin Allah. *Wallahu a'lam*.